

# PHARMANIAGA CEPHALEXIN CAPSULE

Cephalexin (250mg,500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Cephalexin Capsule
2. Bagaimana Pharmaniaga Cephalexin Capsule berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Cephalexin Capsule
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Cephalexin Capsule
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Cephalexin Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Cephalexin Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Cephalexin Capsule

Ia digunakan untuk merawat septisemia (jangkitan darah), jangkitan tulang dan sendi, termasuk jangkitan luka terbakar dan jangkitan saluran kencing yang disebabkan oleh bakteria. Ia tidak berkesan dalam merawat jangkitan sistem saraf.

Pharmaniaga Cephalexin Capsule boleh digunakan sebagai satu alternatif kepada rawatan penisilin untuk merawat radang paru-paru dan jangkitan dalam hati disebabkan oleh jangkitan bakteria.

## Bagaimana Pharmaniaga Cephalexin Capsule berfungsi

Cephalexin merupakan antibiotik cephalosporin generasi pertama. Cephalosporin mempunyai keupayaan untuk menghalang penghasilan bakteria seperti penisilin dengan bertindak dengan menghalang penghasilan dinding sel bakteria.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Cephalexin Capsule

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai reaksi alahan kepada Pharmaniaga Cephalexin Capsule atau ubat cephalosporins yang lain, atau mana-mana bahan dalam kandungan ubat ini yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mula menggunakan ubat ini, bincang dengan doktor atau ahli farmasi.

### -Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor jika anda mempunyai alahan kepada ubat cephalosporins, penisilin atau mana-mana antibiotik lain sebelum mengambil ubat ini.

- Kira-kira 10% daripada individu yang sensitif kepada penisilin akan juga alah kepada cephalosporins. Oleh itu, ambil langkah berjaga-jaga jika Pharmaniaga Cephalexin Capsule diberikan kepada individu yang sangat sensitif kepada penicillin. Perhatian juga perlu diberikan kepada individu yang diketahui mempunyai sejarah alahan.
- Pengurangan sukatan dos akan disyorkan untuk pesakit yang mempunyai masalah kerosakan buah pinggang yang teruk.

### Hamil dan menyusukan bayi

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi terlebih dahulu sekiranya anda sedang hamil atau sedang menyusukan bayi kerana Pharmaniaga Cephalexin Capsule boleh melintasi plasenta dan kuantiti yang kecil dijumpai di dalam susu ibu.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Pharmaniaga Cephalexin Capsule

### -Berapa banyak harus diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Ia mungkin berbeza daripada kandungan maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### Dewasa:

1 hingga 2 g setiap hari dalam dos yang dibahagikan selang 6, 8 atau 12 jam.

### Kanak-kanak dan bayi:

25 hingga 100 mg setiap kg berat badan setiap hari dalam dos yang dibahagikan kepada maksimum 4 g setiap hari.

### Rejimen dos yang biasa :

Kanak-kanak berusia,  
5 hingga 12 tahun – 250 mg tiga kali sehari  
1 hingga 5 tahun – 125 mg tiga kali sehari  
Bawah 1 tahun – 62.5 mg hingga 125 mg dua kali sehari

### -Bila perlu diambil

Ikut arahan sepertimana diberi oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### -Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada waktu biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat jika anda ataupun orang lain terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala mengambil ubat ini secara berlebihan termasuklah loya, muntah, sakit perut, cirit-birit dan darah dalam air kencing anda.

---

## **Semasa menggunakan Pharmaniaga Cephalexin Capsule**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat sepertimana diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda alah kepada cephalosporin, penisilin, atau mana-mana antibiotik yang lain.
- Beritahu doktor anda dan ahli farmasi mengenai sebarang ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi yang anda ambil.
- Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai penyakit buah pinggang atau penyakit hati, ulser atau masalah perut.
- Beritahu doktor anda jika anda hamil, merancang untuk hamil, atau menyusukan bayi. Jika anda hamil semasa mengambil Pharmaniaga Cephalexin Capsule, hubungi doktor anda.
- Jika anda akan mengambil ujian darah atau air kencing, beritahu doktor bahawa anda sedang mengambil ubat ini. Pharmaniaga Cephalexin Capsule boleh menjejaskan keputusan beberapa ujian ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali atas arahan doktor.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi.

Jangan berkongsi Pharmaniaga Cephalexin Capsule dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama seperti anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika reaksi alahan berlaku, berhenti menggunakannya dan beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Cephalexin Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan tetapi bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan Pharmaniaga Cephalexin Capsule termasuklah loya, muntah, cirit-birit, sakit perut, reaksi alahan seperti ruam kulit, bengkak muka atau bibir atau sesak nafas.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883 5549 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)/Vaccine (AEFI)*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Cephalexin Capsule**

### -Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Jangan mengambil Pharmaniaga Cephalexin Capsule selepas tarikh tamat tempoh seperti yang dicetak pada label.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. langkan-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

*Pharmaniaga Cephalexin Capsule 250mg:*

Kapsul gelatin keras, berwarna merah jambu dengan tanda 'RMB'/'250'.

*Pharmaniaga Cephalexin Capsule 500mg:*

Kapsul gelatin keras, berwarna putih/merah jambu dengan tanda 'RMB'/'500'.

### -Bahan bahan kandungan

*Pharmaniaga Cephalexin Capsule 250mg:*

-Bahan aktif:

Setiap kapsul mengandungi Cephalexin bersamaan dengan 250mg Cephalexin anhydrous

-Bahan tidak aktif:

*Cornstarch, Magnesium Stearate*

*Pharmaniaga Cephalexin Capsule 500mg:*

-Bahan aktif:

Setiap kapsul mengandungi Cephalexin bersamaan dengan 500mg Cephalexin anhydrous

-Bahan tidak aktif:

*Cornstarch, Magnesium Stearate*

### -Nombor MAL

*Pharmaniaga Cephalexin Capsule 250mg:*

MAL19984043A Z

*Pharmaniaga Cephalexin Capsule 500mg:*

MAL19984044AZ

## **Pengilang**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

20/7/2018

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)200718/00207